



**PARLIMEN MALAYSIA
(KAMAR KHAS)**

**UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN
PERKARA
TADBIR KERAJAAN
(*PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU*)
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA
PENGKAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN ALAM SEKITAR
KHAMIS, 20 OKTOBER 2016**

2.30 PETANG HINGGA 4.30 PETANG

Ucapan : YB. Dato' Hasbullah Bin Osman (Gerik)
Tajuk Ucapan : Masalah Ancaman Gajah Liar di Gerik
Tarikh Ucapan : 20 Oktober 2016 (Khamis)
Kementerian : Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Bahawa Dewan ini membahaskan usul mengenai perkara tertentu, berkepentingan orang awam dan perlu disegerakan iaitu serangan Gajah Liar terhadap masyarakat di Parlimen Gerik merangkumi kemusnahan pertanian serta risiko keselamatan penduduk kampung.

Baru-baru ini, Jabatan Perhilitan telah menangkap beberapa ekor Gajah Liar kerana berkeliaran berdekatan kampung Perah. Gajah Liar itu juga didapati telah memusnahkan tanaman penduduk seperti Pokok Pisang dan Getah. Sejak beberapa bulan lepas, Jabatan Perhilitan juga telah menerima pelbagai aduan oleh penduduk kampung mengenai Gajah Liar sering dilihat berkeliaran di kawasan-kawasan penempatan di sekitar Kampung Umbut Bongor dan Bersia. Enam aduan mengenai kerosakan tanaman turut berlaku di kawasan perkampungan Orang Asli iaitu Rancangan Penempatan Semula (RPS) Banun telah direkodkan pada tahun lalu dan dua aduan dalam sepanjang tahun ini.

Beberapa laporan kemalangan membabitkan Gajah dan kenderaan di Kilometer 157, Jalan Raya Timur Barat Gerik-Jeli. Jabatan Perhilitan telah menerima satu laporan kemalangan melibatkan Gajah dan kenderaan

berat pada tahun 2011 manakala satu kes melibatkan Gajah dan kenderaan pacuan empat roda pada tahun 2014. Walaupun lintasan hidupan liar yang dikenali sebagai “viaduct” telah diwujudkan namun Gajah Liar tetap mencerooboh kawasan lebuhraya.

Diharap pembahasan usul ini mampu membantu menyelesaikan masalah serangan Gajah Liar dan membahaskan langkah efektif untuk keselamatan penduduk kampung dalam menghadapi masalah serangan Gajah Liar di hari mendatang memandangkan masalah ini berkepentingan awam.

JAWAPAN:

Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) mengambil maklum berhubung dengan masalah gangguan hidupan liar seperti gajah liar yang dialami oleh penduduk Orang Asli yang berhampiran Jalan Raya Timur Barat. Menerusi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), pelbagai tindakan telah diambil bagi menangani masalah ini seperti tangkap pindah, tembak halau dan pemasangan pagar elektrik.

Pada masa ini dianggarkan terdapat lebih kurang 40 ekor gajah liar daripada populasi Hutan Simpan Temenggor menjadikan kiri-kanan Jalan Raya Timur Barat sebagai habitat untuk mencari makanan. Gajah-gajah ini telah menimbulkan ancaman dan merosakkan tanaman di perkampungan Orang Asli RPS Banun, Pos Kemar serta sekitar kawasan Kampung Bersia, Kampung Perah dan Kampung Air Kapak di kawasan Parlimen Gerik. Populasi gajah ini juga seringkali berkeliaran dan melintasi Jalan Raya Timur Barat yang menghubungkan Gerik dan Jeli dan membahayakan pengguna jalan raya. Berdasarkan kepada rekod sejak 2013 hingga 2016, sebanyak 65 aduan gangguan gajah di kawasan Parlimen Gerik telah dilaporkan dan telah diambil tindakan oleh Jabatan PERHILITAN.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan PERHILITAN juga telah berusaha untuk menyelesaikan dan mengurangkan konflik gajah ini melalui langkah-langkah jangka pendek dan sederhana seperti berikut:

- a) Melaksanakan aktiviti seperti yang telah disenaraikan di dalam Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan (NECAP) yang dilancarkan pada tahun 2013 sebagai pendekatan yang lebih holistik. Pelan tindakan ini juga melibatkan kerjasama beberapa organisasi bukan kerajaan (NGO). Antara tindakan penyelesaian dalam Pelan ini adalah tangkap pindah, pembinaan pagar elektrik, pemantauan, program kesedaran awam dan penyelidikan;
- b) Operasi tangkapan gajah juga telah dijalankan di kawasan Kg. Bersia dan kawasan sekitarnya. Rekod tahun 2013 hingga 2016, sejumlah 12 kali operasi tangkap pindah dan sebanyak 4 ekor gajah liar telah ditangkap dan dipindahkan ke Taman Negeri Royal Belum. Kos perbelanjaan keseluruhan operasi ini adalah lebih kurang RM 250,000.00;
- c) Membina pagar elektrik sepanjang 11 km dengan kos keseluruhan sebanyak RM 431,080.00 pada tahun 2013 dan tambahan sepanjang 10 km di jajaran Kampung Bersia yang melibatkan kos sebanyak RM 500,000.00 serta kos penyelenggaraan sebanyak RM 15,000.00 sebulan;
- d) Jabatan juga mengadakan program kesedaran awam secara berkala dan program pemasangan pagar komuniti bersama penduduk kampung terlibat. Selain itu, sesi perbincangan bersama Ahli Parlimen Gerik pada September 2016 juga

dijalankan. Dalam program ini sesi kesedaran dan kefahaman telah diberikan yang meliputi sesi dialog dan perbincangan bersama masyarakat yang memberi tumpuan terhadap menyayangi hidupan liar dan kaedah pengurusan kebun yang betul terutamanya yang bersempadan dengan kawasan hutan; dan,

- e) Menjalankan penyelidikan pergerakan gajah liar melalui pemasangan kolar satelit ke atas 14 ekor gajah;

Pihak Jabatan PERHILITAN juga telah berusaha untuk mengurangkan ancaman gajah kepada pengguna jalan raya melalui langkah-langkah seperti berikut;

- f) Mewujudkan lintasan hidupan liar yang dikenali sebagai 'animals viaduct' di Kilometer 157, Jalan Raya Timur Barat Gerik-Jeli. Lintasan itu menghubungkan Taman Negeri Royal Belum dan Hutan Simpan Temenggor. Pembinaan viaduct ini bertujuan untuk memberi laluan selamat kepada hidupan liar dan secara tidak langsung dapat memastikan pengguna jalan raya sentiasa berada dalam keadaan selamat.
- g) Menjalankan program pengkayaan habitat di sekitar kawasan 'viaduct' untuk menarik perhatian gajah-gajah dan hidupan liar lain agar melalui lintasan berkenaan dengan selamat dan tidak mengganggu pengguna jalan raya;
- h) Telah memasang 8 papan tanda besar dan 15 papan tanda kecil peringatan gajah liar melintas pada tahun 2010 sebagai

panduan keselamatan dan peringatan kepada pengguna jalan raya;

- i) Akan menambah lintasan hidupan liar di kawasan-kawasan lain yang telah dikenalpasti berpotensi menimbulkan ancaman kepada pengguna jalan raya;

Di samping itu, terdapat cadangan jangka panjang bagi mengatasi masalah gangguan gajah di Daerah Hulu Perak, antaranya:

- a) Penubuhan Santuari Gajah Negeri Perak sebagai kawasan keliaran gajah sebagai langkah untuk mengurangkan risiko konflik manusia-gajah; dan,
- b) Menambah bilangan atau jajaran Sistem Pagar Elektrik Gajah di lokasi yang dikenalpasti berlakunya gangguan gajah.

Sekian terima kasih.